

'Generasi muda tak minat hayati kemerdekaan'

BM - 24/6/07

KUALA LUMPUR: Generasi muda didapati 'kurang bersemangat' untuk menilai dan memahami pengertian sebenar kemerdekaan yang diperoleh ketika negara menentang penjajah.

Veteran Umno, Tan Sri Abdul Aziz Tapa, berkata sikap itu begitu jelas kerana generasi muda tidak merasai kepayahan yang dilalui pejuang kemerdekaan ketika zaman penjajah.

"Dahulu semangat tinggi untuk memerdekakan tanah air seperti semangat Dol Said dan pejuang lain. Sekarang semangat dah kurang.

"Macam-macam cara digunakan untuk membangkitkan semangat orang Melayu untuk mencapai kemerdekaan sehinggalah pasukan wayang bangsawan pun menggunakan kata-kata keramat Takkan Melayu Hilang di Dunia bagi membangkit-

kan semangat," katanya ketika menyampaikan ceramah bertajuk Pengisian Semangat Kemerdekaan pada majlis penerangan Isu Semasa anjuran Bahagian Penerangan Umno di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Aziz berkata, semangat Tunku Abdul Rahman ketika berjuang mencapai kemerdekaan negara mesti di-

hayati secara mendalam.

Sementara itu, Jins berkata, Umno perlu terus menjadi parti yang dominan di negara ini bagi memastikan ketuanan bangsa berkenaan tidak tergadai.

Katanya, kejayaan yang dicapai parti itu sejak zaman sebelum merdeka tidak seharusnya meleakakan ahlinya dan berhenti daripada memperjuangkan nasib mereka.